

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DI PEMBUKAAN RASMI KAMPUNG ORANG ASLI  
KUALA KUBU BHARU PADA 3 NOVEMBER 1967**

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian<sup>1</sup>**

**Yang Berhormat Menteri Besar Selangor<sup>2</sup>**

**Pesuruhjaya Orang Asli**

**Tuan-tuan dan saudara-saudara Orang Asli sekalian**

**B**iarlah saya memulakan ucapan saya dengan menyatakan betapa gembiranya hati saya kerana berpeluang melihat dan seterusnya membuka sebuah Rancangan Pembangunan, khas untuk saudara-saudara kita Orang-orang Asli.

Tuan-tuan sekalian tentulah bersetuju dengan saya bila saya mengatakan Orang-orang Asli di negeri ini tidaklah diketepikan oleh Kerajaan. Ini adalah suatu perkara yang baiknya - kerana sudah lama sangat saudara-saudara kita di pedalaman hutan dibiarkan dengan begitu sahaja. Negeri kita ialah sebuah negeri yang merdeka, maka adalah sudah menjadi satu daripada tugas-tugas Kerajaan untuk membela nasib kaum-kaum di negeri ini yang rendah taraf ekonominya.

Tetapi, sungguhpun banyak berita-berita berkenaan dengan Orang-orang Asli dapat dibaca dari akhbar, dan didengar dari peti-peti radio, ramai lagi rakyat Malaysia lain yang kurang faham akan keadaan orang-orang Asli dengan sebenarnya. Ramai orang-orang bandar menggambarkan Orang-orang Asli itu tidak bertamadun langsung dan terus menerus mendiami di hutan belantara, dengan tidak mempunyai inspirasi hendak hidup maju. Tuan-tuan sekalian - gambaran sedemikian adalah salah.

Memang betul kebanyakan Orang-orang Asli diam di pedalaman hutan; tetapi boleh dikatakan semua mereka-mereka itu ingin hendak hidup maju - menghantar anak-anak mereka ke sekolah, menerima khidmat-khidmat perubatan dan meninggikan lagi ekonomi hidup mereka. Ini adalah dibuktikan oleh angka-angka yang diberi oleh rakan saya, Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, tadi - betapa ramainya kanak-kanak Orang asli yang sedang bersekolah, yang duduk di asrama-asrama dan yang sudah menerima rancangan-rancangan pembangunan ekonomi.

Maka nampaknya betullah yang Orang-orang Asli kita boleh menyesuaikan diri mereka dengan keadaan yang beralih. Mereka sanggup menerima Rancangan Pembangunan Malaysia yang ada ini. Oleh itu, marilah kita sama-sama menolong saudara-saudara kita Orang Asli supaya mereka juga dapat menikmati kemajuan-kemajuan yang sudah dicapai oleh kaum-kaum lain di Malaysia ini.

Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk menerangkan dengan ringkas polisi kerajaan terhadap Orang-orang Asli. Sebelum Perang Dunia ke 2 dan di masa negeri ini di bawah naungan penjajah, Kerajaan di masa itu tidak

1. Dato' Haji Abdul Rahman Ya'kub

2. Dato' Harun bin Idris

membuat apa-apa pertolongan kepada Orang-orang Asli. Tatkala Perang Jepun, kumpulan-kumpulan gerila telah menggunakan Orang-orang Asli untuk melawan Jepun; dan di awal-awal masa perang darurat, pihak penganas komunis telah berjaya memujuk Orang-orang Asli menyebelahi pihak mereka. Maka kerajaan terpaksa menubuhkan satu Jabatan Khas untuk melawan propaganda komunis itu. Oleh kerana saudara-saudara kita Orang Asli tahu memilih yang mana satu baik dan yang mana satu jahat, Orang-orang asli di pedalaman hutan telah mengubah fikiran mereka dan terus berdamping dengan pihak Kerajaan melawan musuh negara.

Pada awal-awalnya tugas Jabatan Orang Asli adalah terhad kepada memujuk orang-orang Asli supaya tidak mempercayai dakyah-dakyah komunis. Tetapi dengan merdekanya negara kita, tugas-tugas Jabatan pun dibesarkan dan orang-orang Asli menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat - dan sebagai suatu kerajaan yang betul-betul bertanggungjawab kepada rakyat jelata, Orang-orang Asli di Malaysia Barat juga diberi peranan di dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia ini.

Sesungguhnya Kerajaan kita fahami yang orang-orang Asli telah mengikut cara-cara hidup mereka sejak beribu-ribu tahun di dalam hutan. Barang siapa sahaja yang biasa ke hutan negara kita ini tentulah hairan bagaimana Orang-orang Asli dapat mengatasi kesusahan hidup dengan tidak pula mengacau orang lain. Cara hidup sedemikian. susah hendak dialihi - dan jika dibuat dengan cara keras mungkin perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku. Maka itulah sudah menjadi polisi kerajaan hendak menolong orang-orang Asli dengan tidak bergopoh gapah. Kita berpendapat bahwa adat yang turun temurun itu tidak mungkin dapat dilupai dengan sekejap masa sahaja.

Walaupun demikian, Jabatan Orang Asli telah yakin yang Orang-orang Asli sendiri memang berkehendakkan kemajuan. Mereka juga hendak hidup dengan mewah - dan mereka juga hendak meninggalkan pesaka yang lebih berkesan kepada anak cucu mereka dari apa yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka. Untuk mencapai hasrat-hasrat ini, kita sebagai satu golongan yang lebih bernasib baik, mestilah bersama-sama menolong saudara-saudara kita Orang Asli di dalam semua bidang pembangunan. Setelah dapatnya Orang-orang Asli mencapai kejayaan dalam semua aspek kemajuan yang sedang dirasa oleh kaum-kaum lain maka barulah kita penuhi tugas-tugas kita sebagai satu bangsa yang bertamadun dan bertanggungjawab - dan bolehlah kita singkir segala kritik-kritik yang mengatakan Kerajaan Malaysia cuma memberatkan sebilangan golongan rakyat sahaja.

Terima kasih